
Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

■ TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (membelakangkan kamera) menyatakan sesuatu kepada Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia ketika rombongan itu mengunjungi pejabat Datuk Musa selaku Timbalan Perdana Menteri di Kuala Lumpur semalam.

# Jaminan Timbalan PM kepada Exco Pemuda Umno Malaysia

Pertemuan tersebut telah diadakan di Kementerian Dalam Negeri lebih dua jam.

Datuk Musa memberi jaminan bahawa beliau akan memberi pertimbangan dengan penuh teliti terhadap rayuan Datuk Harun bagi membolehkan beliau memegang jawatan Naib Presiden UMNO jika permohonan rayuan dibuat.

Masalah lain yang dibincangkan termasuk masalah pekerja Hotel Abad Century yang akan ditutup bulan ini dan juga Hotel Travel Inn.

Datuk Musa memberi jaminan semua pekerja di Hotel Abad akan diambil kerja oleh Kerajaan. — Gambar Berita Harian.